

Model ADDIE

Fatimah Bte Hishamuddin

Model ADDIE merupakan antara model rekabentuk instruksi yang sering menjadi asas kepada model-model rekabentuk instruksi yang lain. Secara amnya, model ADDIE (Rosset, 1987) terdiri daripada fasa *Analysis* (Analisis), *Design* (Rekabentuk), *Development* (Pembangunan), *Implementation* (Perlaksanaan) dan *Evaluation* (Penilaian)

<i>ANALYSIS</i>	<i>Analysis</i> (Analisis) ialah fasa yang menyelesaikan dan mengenalpasti masalah secara keseluruhannya.
<i>DESIGN</i>	<i>Design</i> (Rekabentuk) ialah fasa dilaksanakan selepas proses analisis keperluan selesai.
<i>DEVELOPMENT</i>	<i>Development</i> (pembangunan) ialah fasa membangunkan perisian dengan menggunakan aplikasi-aplikasi yang sedia ada.
<i>IMPLEMENTATION</i>	<i>Implementation</i> (Perlaksanaan) ialah fasa untuk menguji keberkesanan serta masalah-masalah yang mungkin berlaku dalam fasa rekabentuk dan pembangunan
<i>EVALUATION</i>	<i>Evaluation</i> (Penilaian) ialah fasa untuk mendapatkan maklum balas pengguna terhadap keseluruhan perisian

Rajah 2.1 : Model ADDIE

Menurut Hall (1997), model ADDIE merupakan satu rekabentuk instruksi yang asas yang boleh diintegrasikan dalam apa jua strategi pembelajaran. Menurut Jansak, model ADDIE adalah model yang generik, mempunyai pendekatan yang sistematik untuk proses merekabentuk instruksi dan menyediakan perekabentuk dengan satu rangka kerja yang teratur untuk memastikan bahawa produk-produk pendidikan yang dihasilkan adalah efektif dan proses-proses kreatif adalah sangat efisien.